



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Ibu Pejabat MARA
21, JALAN MARA,
50609 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel : +603-2613 2000
Faks : +603-2691 3620
Laman Web : www.mara.gov.my

JASMIN DELAILA JIMMIE
D/A DENAH EGAN,
KLINIK KESIHATAN SG ASAP,
96950 BELAGA
SARAWAK

NO. K/P : 080213130152
BIL. MARA : -
TARIKH : 22 DISEMBER 2025

Saudara/Saudari,

**TAWARAN AWAL MENGIKUTI PROGRAM KHAS PINJAMAN PENDIDIKAN MARA:
YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME – SIJIL PEPERIKSAAN MALAYSIA MAKTAB
RENDAH SAINS MARA (YTP-SPMRSM) – LALUAN LUAR NEGARA**

Tahniah! Majlis Amanah Rakyat (MARA) dengan sukacitanya memaklumkan bahawa saudara/saudari telah terpilih untuk mengikuti Program Khas Pinjaman Pendidikan MARA: Young Talent Development Programme – Sijil Peperiksaan Malaysia Maktab Rendah Sains MARA (YTP-SPMRSM) – Laluan Luar Negara berdasarkan pencapaian akademik cemerlang saudara/saudari semasa di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan syarat-syarat lain yang telah ditetapkan.

2. Tawaran awal ini diberikan bagi memberi peluang kepada pelajar cemerlang MRSM memulakan pengajian lebih awal sementara menunggu keputusan rasmi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 diumumkan. Sebagai tawaran awal (pra-keputusan), pelajar yang terpilih adalah **tertakluk kepada semua syarat dan ketetapan** yang ditetapkan oleh MARA, termasuk keperluan akademik untuk memperoleh sekurang-kurangnya 8A dalam keputusan sebenar SPM 2025 kelak.

3. BUTIRAN PROGRAM

3.1 Tawaran ini adalah bagi pengajian di peringkat Persediaan seperti yang berikut:

PROGRAM	Young Talent Development Programme – Fast Track (YTP-FT)
PERINGKAT	A-Level
KURSUS	A-LEVEL KEJURUTERAAN
INSTITUSI PENGAJIAN	Kolej MARA Seremban (KMS), Negeri Sembilan
TEMPOH PENGAJIAN	18 bulan (bermula Januari 2026) Tarikh Pendaftaran: 30 Disember 2025

- **** sepanjang tempoh pengajian, yuran pengajian, penginapan dan makan minum akan dibiayai sepenuhnya oleh MARA. Perbelanjaan peribadi seperti kelengkapan diri adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.
- Pelajar dari Sabah dan Sarawak layak menuntut elaun perjalanan dua (2) hala (pergi dan balik) (tambang kapal terbang kelas ekonomi) sekali sepanjang tempoh pengajian, tertakluk kepada had maksimum RM2,000.00. Pelajar bertanggungjawab membuat tuntutan elaun perjalanan kepada MARA setelah menerima tawaran rasmi meneruskan pengajian YTP-SPMRSM.

4. SIFAT TAWARAN DAN KETETAPAN PROGRAM

- 4.1 Tawaran ini adalah **tawaran awal (pra-keputusan)** yang membolehkan pelajar memulakan pengajian lebih awal sementara menunggu keputusan sebenar SPM 2025.
- 4.2 Pelajar yang menerima tawaran ini adalah **tertakluk** kepada semua syarat umum dan syarat khas Program Young Talent Development Programme (YTP) 2026 iaitu:-

4.2.1 antara syarat umum program YTP 2026:

- i. pelajar dan salah seorang ibu atau bapa hendaklah berstatus Bumiputera dan warganegara pemastautin Malaysia;
- ii. pelajar dan penjamin adalah warganegara Malaysia pemastautin yang tidak diisytihar muflis; dan
- iii. pelajar/ibu/bapa/penjaga sah/penjamin tidak termasuk dalam senarai hitam (blacklist) MARA atau dalam tindakan undang-undang MARA.

4.2.2 antara syarat khas program YTP 2026:

- i. menduduki peperiksaan SPM buat kali pertama pada tahun 2025;
- ii. memperoleh keputusan sebenar SPM 2025 dengan **sekurang-kurangnya 8A** dalam subjek yang berikut:
 - a) Bahasa Inggeris;
 - b) Matematik Tambahan;
 - c) Biologi/ Sains Komputer/ Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kerujuteraan Elektrik/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Reka Cipta;
 - d) Fizik;
 - e) Kimia; dan
 - f) 3 Subjek lain; dan
 - g) mendapat **sekurang-kurangnya Gred B** dalam subjek selebihnya (**TIADA Gred C** bagi mana-mana subjek); dan

- iii. telah menghadiri ujian saringan / temu duga MARA Student Assessment Programme (MSAP).

4.3 Selanjutnya, pelajar yang menerima tawaran ini juga hendaklah:

4.3.1 mengikuti pengajian dalam program, peringkat, kursus, tempoh dan institusi pengajian yang telah ditetapkan seperti di perenggan 3 (*sebarang pertukaran program, peringkat, kursus, tempoh atau institusi pengajian adalah **tidak dibenarkan**).

4.3.2 mempunyai tahap kesihatan yang baik, bebas daripada sebarang penyakit kronik atau penyakit yang memerlukan rawatan susulan serta berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat (rujuk **Lampiran GP1**).

4.3.3 mematuhi segala peraturan, tatacara dan syarat lain yang ditetapkan oleh MARA dari semasa ke semasa.

4.4 Sekiranya pelajar tidak mencapai keputusan sebenar SPM 2025 dengan **sekurang-kurangnya 8A** dalam subjek yang ditetapkan dan gagal memenuhi mana-mana syarat umum dan syarat khas yang ditetapkan, **pelajar akan ditamatkan** daripada Program Khas YTP-SPMRSM **serta-merta** dan **tidak layak meneruskan pengajian** di bawah program ini.

4.5 Meskipun begitu, MARA akan memberi keutamaan kepada pelajar berkenaan untuk dipertimbangkan melanjutkan pengajian di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) yang bersesuaian, tertakluk kepada kekosongan tempat dan syarat program berkenaan *(pelajar perlu mengisi permohonan melalui kaedah yang ditetapkan).

5. TAWARAN RASMI PINJAMAN PENDIDIKAN MARA

5.1 Pelajar yang **memenuhi semua syarat umum dan syarat khas** setelah keputusan SPM 2025 diumumkan, **akan ditawarkan** untuk **meneruskan pengajian** di bawah Program Khas Pinjaman Pendidikan MARA: Young Talent Development Programme (YTP) dari peringkat Persediaan sehingga ke peringkat Ijazah Pertama di universiti luar negara yang diluluskan oleh MARA (tawaran ke peringkat Ijazah Pertama ini juga akan tertakluk kepada syarat kelayakan akademik di peringkat Persediaan).

5.2 Bagi tujuan tersebut, pelajar akan melalui proses seperti berikut:

5.2.1 menerima pemberitahuan rasmi daripada MARA melalui e-mel untuk mengakses sistem *MyEduloan* MARA bagi melengkapkan pendaftaran, mengisi maklumat diri dan memuat naik semua dokumen sokongan yang diperlukan. Pelajar perlu memastikan e-mel yang digunakan masih aktif.

5.2.2 menerima Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan MARA setelah semakan maklumat dan dokumen sokongan oleh pihak MARA.

5.2.3 menandatangani Surat Tawaran serta Perjanjian Pinjaman Pendidikan MARA sebagai pengesahan penerimaan tawaran rasmi dan persetujuan terhadap semua syarat dan terma pinjaman.

5.3 Pinjaman pendidikan di bawah Program YTP ini merupakan pinjaman boleh ubah (*convertible loan*) yang layak dipertimbangkan untuk pengurangan atau pengecualian bayaran balik berdasarkan tahap kecemerlangan akademik yang dicapai oleh pelajar, tertakluk kepada penilaian dan kelulusan MARA.

5.4 Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat Persediaan (A-Level/IB) serta menyambung dan menamatkan pengajian Ijazah Pertama dengan cemerlang di salah satu daripada lima (5) universiti terkemuka dunia berdasarkan *QS World University Rankings* tahun semasa, akan dipertimbangkan untuk pengecualian penuh (0%) bayaran balik pinjaman pendidikan. *Ketetapan akhir untuk penempatan di universiti terkemuka dunia luar negara adalah ditentukan sepenuhnya oleh MARA.

6. PINDAAN DAN PEMBATALAN

6.1 MARA berhak meminda mana-mana terma atau syarat tawaran ini pada bila-bila masa dan pelajar adalah tertakluk kepada sebarang pindaan yang dibuat.

6.2 MARA berhak membatalkan atau menamatkan tawaran ini serta-merta sekiranya pelajar didapati melanggar mana-mana syarat, peraturan atau ketetapan yang terkandung dalam surat tawaran ini atau mana-mana peraturan MARA yang berkuat kuasa.

6.3 Walau apa pun peruntukan dalam surat ini, MARA berhak menggantung, menarik balik atau membatalkan tawaran ini pada bila-bila masa tanpa perlu memberikan sebarang sebab.

7. PENERIMAAN

- 7.1 Sekiranya saudara/saudari bersetuju atau tidak bersetuju menerima tawaran ini, sila lengkapkan **Akuan Penerimaan Tawaran oleh Pelajar** sebelum tarikh pendaftaran dan kembalikan kepada MARA di alamat e-mel: YIPAD@MARAFY.COM. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran ini dibatalkan atas budi bicara mutlak MARA.
- 7.2 Pelajar yang bersetuju menerima tawaran ini, sila **serahkan salinan dokumen** seperti dibawah kepada institusi pengajian semasa hari pendaftaran:-
- Surat Tawaran dan Akuan Penerimaan Tawaran oleh Pelajar;
 - Kad pengenalan pelajar, ibu dan bapa / penjaga sah; dan
 - Sijil kelahiran pelajar, ibu dan bapa / penjaga sah.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah
Bahagian Penganjuran Pelajaran
b.p. Ketua Pengarah
MARA

(Surat Tawaran ini adalah janaan komputer dan tidak memerlukan tandatangan)



Logo 60 Tahun MARA

"Amanah Rakyat"



**MAJLIS AMANAH RAKYAT
BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI MARA**

**GARIS PANDUAN YURAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
KOLEJ MARA (KM) SEREMBAN**

**PROGRAM KHAS PINJAMAN PENDIDIKAN MARA:
YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME –
SIJIL PEPERIKSAAN MALAYSIA MAKTAB RENDAH SAINS MARA (YTP-SPMRSM)**

SESI JANUARI 2026

BAHAGIAN A : STRUKTUR YURAN PENDAFTARAN

YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME PROGRAM CAMBRIDGE A-LEVEL FAST TRACK				
YURAN PENDAFTARAN / SEMESTER (RM)				
PERKARA		SEMESTER		
		1	2	3
1	Aktiviti Siswa Kolej	RM 60.00	RM 60.00	RM 60.00
2*	Internet/ Bayaran fasiliti	RM 50.00	RM 20.00	RM 20.00
3	Majlis Perwakilan Pelajar	RM 35.00	RM 35.00	RM 35.00
4*	Insurans Berkelompok	RM 30.00	-	RM 30.00
5	Aktiviti CAS / Pembangunan Sahsiah	RM 100.00	RM 50.00	RM 50.00
6*	Minggu Pengurusan Pelajar Baharu	RM 100.00	-	-
7	Buletin & Majalah Kolej	-	RM 40.00	-
8	Program Pemantapan	-	RM 50.00	RM 50.00
9	Sijil & Folder	-	RM 50.00	RM 50.00
JUMLAH BAYARAN		RM 375.00	RM 305.00	RM 295.00
		RM 975.00		

Jadual A

- i. Semua pelajar diminta untuk membuat bayaran yuran pendaftaran sebanyak **RM180.00 (rujuk item 2, 4 dan 6)** seperti dinyatakan dalam Jadual A bermula 25 Disember 2025 sehingga 9 Januari 2026.
- ii. Baki yuran semester 1 berjumlah RM195.00 perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada 1 April 2026.
- iii. Semua pelajar dikehendaki melaksanakan bayaran yuran pendaftaran secara dalam talian (*online*) menerusi perkhidmatan bayaran elektronik MARAeps di pautan <https://bayar.maraeps.my>.

BAHAGIAN B: BAYARAN KOPERASI DAN MUAFAKAT

YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAM PROGRAM CAMBRIDGE A-LEVEL FAST TRACK				
YURAN PENDAFTARAN / SEMESTER (RM)				
PERKARA		SEMESTER		
		1	2	3
BAYARAN KOPERASI Nama Akaun : Koperasi Kolej MARA Seremban Berhad No. Akaun : 1102051300 Bank : Bank Rakyat				
1	Yuran Keahlian & Saham Koperasi	RM 25.00		
2*	Perkhidmatan Dobi	RM 90.00	RM 90.00	RM 90.00
BAYARAN MUAFAKAT Nama Akaun : Muafakat MARA Cawangan Kolej MARA Seremban No. Akaun : 05012010097241 Bank : Bank Islam				
3	Yuran Keahlian MUAFAKAT	RM 20.00		
4	Bayaran MUAFAKAT	RM 50.00	-	RM 50.00
JUMLAH BAYARAN		RM 185.00	RM 90.00	RM 140.00

Jadual B

- Semua pelajar diminta untuk membuat bayaran Koperasi sebanyak **RM90.00** (rujuk item 2) seperti dinyatakan dalam Jadual B bermula 25 Disember 2025 sehingga 9 Januari 2026. Yuran Perkhidmatan Dobi hendaklah dibayar secara dalam talian (*online*) ke akaun koperasi. (Sila serahkan slip pembayaran semasa hari mendaftar dan pastikan nama dan no. K/P pelajar ditulis di belakang slip).
- Baki bayaran Koperasi dan Muafakat bagi Semester 1 berjumlah RM95.00 perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada 1 April 2026.
- Semua pelajar perlu melaksanakan bayaran Koperasi dan Muafakat secara dalam talian (*online*) menerusi perkhidmatan bayaran elektronik berpanduan ketetapan maklumat akaun bank masing-masing sebagaimana dalam Jadual B.